

Rayu wujudkan surau di UMS-KAL

Oleh **ADRIAN NANDU**

adriannandu@gmail.com

UB 15.06.2012 B6

LABUAN: Kumpulan Pelajar Muslim (KPM) di Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) kelmarin merayu agar pihak pentadbiran kampus menyediakan surau untuk kemudahan pelajar dan kakitangan muslim.

Salah seorang pelajar dari KPM berkata, UMS-KAL tidak memiliki satu pun surau khusus untuk kegunaan pelajar dan kakitangan di bangunan utama UMS-KAL.

“Meskipun terdapat sebuah masjid yang terletak beberapa ratus meter, namun kedudukan masjid berkenaan agak menyukarkan kerana kedudukannya yang agak jauh ditambah pula oleh jadual kuliah yang ketat.

“Keadaan itu menyukarkan pelajar untuk menunaikan solat terutamanya pada waktu suntuk seperti kelas di sebelah malam yang bermula pada jam 7 malam di mana pelajar perlu bergegas untuk memulakan kuliah,” katanya.

Pelajar itu menjelaskan, keadaan berkenaan menjadi sulit seperti yang pernah berlaku ketika penjadualan kuliah iaitu dua kuliah berlangsung sebelum waktu Zohor

dan hanya berakhir selepas Asar.

“Hal sedemikian membuatkan pelajar terpaksa meminta izin untuk keluar solat Zohor. Sekiranya terdapat surau di tempat yang berdekatan ia sudah tentunya memudahkan pelajar mengikuti kuliah dengan tenang dan selesa.

“Selaku seorang muslim saya terpaksa juga solat di mana-mana sudut selepas mengambil wudhu di tandas. Manakala, rakan-rakan yang lain ada yang terpaksa meninggalkan kelas atau terpaksa mengabaikan solat.

“Keperluan surau juga perlu mengambil kira untuk golongan pelajar Orang Kelainan Upaya (OKU) pada masa akan datang agar mereka juga dapat menunaikan kewajipan sebagai muslim,” katanya.

Pelajar terbabit berkata, memandangkan bulan Ramadan bakal tiba tidak lama lagi, keperluan surau di bangunan utama adalah penting terutamanya ketika waktu untuk berbuka puasa termasuklah solat Maghrib.

“Dengan adanya kemudahan surau itu ia membolehkan pelajar menunaikan kewajipan selaku muslim tanpa menjejaskan pembelajaran dan kuliah.

“Sekiranya pelajar terpaksa keluar dari bangunan kampus

untuk tujuan berbuka dan solat Maghrib sebagai contoh di masjid, ia akan mengganggu kuliah yang sedang berjalan berikutan masa yang diperlukan untuk pergi dan kembali,” katanya.

Beliau berkata, walaupun pensyarah bukan muslim sebenarnya memberikan kelonggaran untuk pelajar muslim berbuka puasa dan menunaikan solat Maghrib seperti sebelumnya, namun, kemudahan tempat solat berhampiran tidak disediakan.

Tambahnya, keadaan bertambah sukar ketika hari hujan. Dengan adanya kemudahan surau di bangunan utama kampus akan memudahkan solat tanpa perlu meninggalkan bangunan untuk tujuan kuliah dan sebagainya.

“Amalan solat berjemaah di kalangan kakitangan, pensyarah dan pelajar adalah sesuatu yang perlu digalakkan oleh pihak pengurusan kampus.

“Amalan keagamaan dan kerohanian seperti ini bukan sahaja dapat mengukuhkan perpaduan, kemesraan dan keceriaan di kalangan semua pensyarah, kakitangan dan pelajar muslim, malah akan mewujudkan suasana sejahtera dan keberkatan di kalangan komuniti UMS-KAL,” katanya.